

22 MAY 2003

Kadir-Unit

UNIT BANTU DITUBUH BANTU SYARIKAT PELANCONGAN HADAPI MASALAH DGN BANK

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menubuhkan sebuah unit khas bagi membantu pengusaha syarikat pelancongan yang menghadapi masalah berurusan dengan institusi kewangan berhubung pinjaman sedia ada mereka.

Menteri berkenaan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata unit itu akan hanya bertindak sebagai "jalan terakhir" kepada para pengusaha berkenaan jika semua usaha mereka sebelum itu gagal menyelesaikan masalah.

"Saya difahamkan Bank Negara pun ada menubuhkan unit sebegini. Nasihat saya pergi ke Bank Negara dulu, kalau tak boleh juga baru datang kepada kami," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan anggota Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) di sini hari ini.

Abdul Kadir berkata unit itu akan berperanan memberi nasihat di samping cuba menghubungkan terus pengadu dengan pegawai kanan di institusi-institusi kewangan yang berkenaan.

"Kadang-kadang mereka nak jumpa junior officer pun susah, usahkan nak selesaikan masalah pinjaman mereka," katanya.

Ditanya mengenai masalah yang sering dihadapi oleh pemilik syarikat pelancongan dengan institusi perbankan, Abdul Kadir berkata ia membabitkan pembayaran balik pinjaman dan kadar faedah yang tinggi.

"Pihak bank harus menggunakan rasa perikemanusiaan, sektor pelancongan telah menghadapi pelbagai masalah yang berturutan daripada krisis ekonomi, kemudian jerebu, JE (Japanese Encephalitis), Sept 11, (penculikan) di Pulau Sipadan, pengeboman Bali, perang Iraq dan sekarang SARS (Sindrom Penafasan Akut Yang Teruk). Semua ini bukan salah syarikat," katanya.

Abdul Kadir berkata tanpa bantuan dan sikap prihatin sektor perbankan, syarikat pelancongan berkenaan akan menghadapi masalah besar untuk meneruskan perniagaan juga dan mungkin terpaksa memberhentikan pekerja.

"Oleh itu kami minta semua institusi kewangan supaya membantu syarikat pelancongan ini kerana ada banyak cara untuk berbuat demikian seperti menstrukturkan semula pinjaman serta menurunkan kadar faedah," katanya.

Sementara itu ketika diminta mengulas mengenai Pakej Ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Abdul Kadir berkata beliau berterima kasih kerana kerajaan memberi sokongan kepada sektor pelancongan yang paling teruk terjejas akibat SARS.

"Mengenai RM1 bilion dalam Kemudahan Jaminan Bantuan Khas, kita akan kaji pelaksanaannya kerana ini juga melibatkan bank," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan DPMM, Abdul Kadir berkata ia merupakan kunjungan biasa dengan kedua-dua pihak bertukar-tukar maklumat mengenai peranan masing-masing dalam meningkatkan kuota pengusaha Bumiputera dalam sektor pelancongan.

"Kita telah memberi jaminan kepada mereka bahawa kita akan meneruskan usaha-usaha untuk menarik lebih ramai pengusaha Bumiputera menyertai sektor pelancongan kerana ia adalah dasar pokok kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

NM AZZ LAT